

Konsep Malaysia MADANI buka minda rentas ideologi



Mohamed Azam adalah Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), manakala Mohammad Hariz Shah adalah Pembantu Penyelidik IKIM

Oleh Prof Madya Dr Mohamed Azam
Mohamed Adil dan Mohammad Hazim
Shah
bhrencana@bh.com.my

Kefahaman konsep dan falsafah gagasan Malaysia MADANI memerlukan penelitian terhadap beberapa terminologi digunakan sarjana Islam yang menunjukkan maksud tamadun seperti al-madaniyyah, al-umran, al-hadarah dan al-tamaddun.

Al-Madaniyyah diambil daripada kata akar 'Madinah', iaitu negara Islam pertama diasaskan Rasulullah SAW, manakala Al-Farabi menggambarkannya sebagai pencapaian umat Islam di kota berasaskan wahyu, iaitu akidah, syariah dan akhlak.

Al-Farabi juga merujuk ilmu madani sebagai ketamadunan meliputi asas kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan termasuk cabang utamanya seperti antropologi, sosiologi, psikologi, etika, sains politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sivik.

Sumber utama ilmu madani ialah ajaran agama yang menjadi teras pembentukannya, sekali gus menjadikan pandangan memisahkan madani dengan agama dengan dakwaan sekularisme adalah salah.

Hakikatnya, Malaysia MADANI menjadi ikhtiar bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar di negara ini lebih manusiawi, sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat.

Ia juga berasaskan konsep Madinah Rasulullah SAW yang berjaya menyatupadukan warganya daripada pelbagai suku kaum bukan sahaja sesama umat Islam (Muhajirin dan Ansar), bahkan bukan Islam (Yahudi) melalui Piagam Madinah.

Piagam Madinah menjadi dokumen penting dan perlembagaan bertulis pertama dunia menyatukan kepelbagaian kabilah dan agama dalam satu perjanjian mempertahankan hak warga tanpa mem-

bezakan antara majoriti dengan minoriti serta kesepakatan semua untuk mempertahankannya dalam membentuk satu ummah.

Ia mengiktiraf kepelbagaian warganya sebagai satu bangsa dengan ikatan kontrak sosial. Jika dilihat, Perlembagaan Persekutuan hari ini juga mengambil semangat Piagam Madinah sebagai dokumen berteraskan persetujuan bersama dan kontrak sosial dipersetujui tiga etnik besar, iaitu Melayu, Cina dan India.

Pada hari ini, pembentukan Kerajaan Perpaduan juga berlatarbelakangkan kepelbagaian etnik dan agama membuktikan bahawa Malaysia MADANI bukanlah slogan bersifat retorik semata-mata, bahkan dimanifestasi melalui peta politik kontemporari negara.

Bukan konsep baharu

Gagasan Perdana Menteri terdahulu seperti Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia dan Keluar-ga Malaysia diperkenalkan bagi mewujudkan negara bangsa membangun, sejahtera, berdaya saing dan harmoni dalam kehidupan masyarakat majmuk, Malaysia MADANI juga tidak terkecuali.

Ia bukan konsep baharu diperkenalkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebaliknya bermula ketika menjawab Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1993-1998) dan sentiasa disebut dalam pelbagai perisidangan nasional mahupun antarabangsa sepanjang menjadi aktivis sosial dan ahli politik.

Malah, tulisan Anwar tersiar dalam majalah *The Malay College Magazine* (1966) berjudul 'Masaalah Kewujudan Ugama' seperti dilampirkan dalam buku *Anwar Ibrahim: Dari Cherok To' Kun Ke Kuala Kangsar* membincangkan pendapat ramai sarjana Barat seperti Einstein, Toynbee, Houtsma, Santilana dan Livingstone berkaitan pertentangan antara agama dengan kemajuan.

Beliau mengutarakan pandangan Sheikh Muhammad Abduh menyeru kepada pembaharuan dalam ajaran Islam menurut alam fikiran moden. Sewaktu di Tingkatan Enam Atas Sastera lagi,

Anwar menerokai konsep islah.

Ini diterjemahkan lagi berdasarkan defmisi Madani, ia sintesis gaya Malaysia menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baharu direka untuk menangani isu baharu dan ketidakpastian.

Menurut Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar, gagasan Malaysia MADANI ialah wawasan kenegaraan dan falsafah sosial menggariskan enam prinsip asas sebagai landasan pembangunan Malaysia lebih maju dan adil. Nilai komprehensif itu berjaya menghubungkan idea Madani antara isu kontemporari dengan falsafah madani dalam pemikiran Islam klasik.

Walaupun istilah madani berasal daripada bahasa Arab, namun ia dipecahkan sebagai akronim supaya gagasan berkenaan dapat diterjemah dan ditafsirkan lebih meluas lagi.

Penulis yakin konsep madani bertepatan prinsip Maqasid Syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ahli fiqh Maliki, Shihab al-Din al-Qarafi menambah maruah (kehormatan) sebagai maqasid keenam. Sekiranya maruah diambil kira, maka lengkaplah keenam-enam prinsip maqasid syariah dengan Malaysia MADANI.

Menurut Anwar, madani adalah sekadar menginsafi tanggungjawab mengangkat martabat insan sebagai karamah insaniah berpaksi kepada keyakinan, nilai dan akhlak serta tata kelola adil dan berkesan dalam sejarah.

Masyarakat Madani, ditekankan pemeraksanaan ekonomi dan budaya, tetapi terasnya adalah nilai, etika dan akhlak serta keyakinan dan kemanusiaan. Konsep karamah insaniah juga bertepatan *human dignity* yang hebat diangkat dan dilaungkan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Oleh itu, fahami konsep dan falsafah Malaysia MADANI melalui kefahaman sebenar dengan membuka minda merentasi horizon pemikiran dan ideologi. Ibarat burung merpati bebas berterbangan, menyampaikan risalah kebenaran walaupun dunia dihambat pelbagai pendustaan pada era media sosial.